

KURIKULUM KURSUS ANALISIS KESEJAHTERAAN PENDUDUK BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 – 54

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta berkenaan indikator-indikator utama yang digunakan bagi menilai kesejahteraan penduduk. Peserta juga akan didedahkan dengan kemudahan-kemudahan asas yang boleh dikaitkan dengan kesejahteraan penduduk dan dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan serta sejauh mana dasar-dasar tersebut membantu untuk mengurangkan kadar kemiskinan negara melalui kajian kes dan data-data yang berkaitan dengan kemiskinan.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Memberi pengetahuan kepada peserta mengenai indikator utama yang digunakan bagi menilai kesejahteraan penduduk;
- ii. Menerangkan kepada peserta apakah kemudahan asas yang terdapat dalam negara yang boleh dikaitkan dengan kesejahteraan penduduk;
- iii. Menambah pengetahuan peserta berkenaan Dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membasmi kemiskinan dan sejauh mana dasar-dasar tersebut berjaya mengatasi masalah kemiskinan negara.

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : 3 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 41 – 54

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Kuliah
- ii. Latih amal
- iii. Perbincangan serta pembentangan secara berkumpulan berasaskan Kajian kes.

